

Headline	Lebar Sungai Bertam siap 61 peratus		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 Dec 2015	Language	Malay
Circulation	1,270,667	Readership	3,812,000
Section	Setempat	Page No	53
ArticleSize	82 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 9,691		



Lebar Sungai Bertam siap 61 peratus

Putrajaya: Fasa pertama Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembah Bertam iaitu bagi melebar dan mendalamkan Sungai Bertam, Cameron Highlands kini mencapai tahap 61 peratus.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, kapasiti asal Sungai Bertam ialah 5.5 juta meter padu dan projek RTB yang dilakukan itu bagi mengelakkan kejadian banjir lumpur seperti tahun lalu.



WAN Junaidi

“Projek RTB diputuskan kerajaan membabitkan sehingga 22 juta meter padu kapasiti air sungai.

“Apabila hujan lebat, air dilepaskan ke Sungai Bertam namun, ia mencurahkan dan menyebabkan banjir lumpur,” katanya pada sidang media, semalam.

Pada masa sama, beliau berkata, penambahan kapasiti itu boleh menampung air dilepaskan dari Empangan Sultan Abu Bakar jika ia dilepaskan ke sungai.